Universiti tingkat dana tabung wakaf

UNIVERSITI Awam perlu berusaha meningkatkan dana tabung wakaf masing-masing sebagai sumber penjanaan alternatif, kata Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Beliau berkata, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang memulakan penubuhan tabung itu pada 2007 kini mempunyai kira-kira RM364,000, Universiti Putra Malaysia (UPM)(RM7.43 juta), manakala Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)(RM4.24 juta).

Selain itu, Idris berkata, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) turut mempunyai tabung wakaf, manakala Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dijadual melancarkan tabung wakafnya esok (hari ini).

"Kita berharap, setiap universiti akan dapat menubuhkan tabung wakaf masing-masing menjelang akhir tahun ini," katanya menjawab pertanyaan **Nasrudin Hassan (Pas-Temerloh)** mengenai pendirian dan perancangan kementerian tentang cadangan mewujudkan dana wakaf pendidikan tinggi di peringkat persekutuan.

Beliau menjelaskan, dana wakaf pendidikan tinggi hanya di peringkat UA dan bukan di peringkat persekutuan. *- Bernama*

SINAR HARIAN 21/10/2016